

متن الستين مسألة

Terjemahan MATAN SITTIN MASALAH

DILENGKAPI DENGAN
IJAZAH SANAD KITAB

www.tedisobandi.blogspot.com

مُعِينُ الطَّلَبَةِ

عَلَى مَثْنٍ

السِّتِّينَ مَسْأَلَةً

**(BANTUAN BAGI PELAJAR KE ATAS MATAN
SITTIN MASALAH)**

SEBUAH KITAB FIQH DALAM MAZHAB IMAM ASY-SYAFI'E

**KARANGAN AHMAD BIN MUHAMMAD BIN SULAIMAN
AZZAHID AL-MISRI (W.819 HIJRAH)**

Terjemahan dari hamba yang faqir

MUHAMMAD NAIM SAIDI BIN LAZIM

(Tenaga Pengajar Di Maahad Darul Faqeh)

www.tedisobandi.blogspot.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA
MENGASIHANI.**

Dan selawatnya ke atas Baginda yang mulia penghulu segala manusia Muhammad bin Abdullah dan ke atas ahli keluarganya dan para sahabatnya yang dimuliakan oleh Allah subhanahu wa taa'la.

Maka dengan ini hamba yang lemah serta hina ingin menaburkan sedikit jasa, yang mana jasa ini kalau diperkenankan Allah akan menjadi berkat dan bermanfaat bagi umum manusia iaitu menterjemahkan dan menta'liqkan sebuah kitab yang kecil dari ukuran tetapi besar manfaatnya yang berjudul **(Sittin Masalah)**, sebuah kitab fiqh yang mudah untuk para pemula ilmu fiqh supaya dapat menjadi panduan yang mudah bagi mereka.

Jadi untuk memudahkan kitab ini maka saya pecahkan kepada beberapa fasal untuk memudahkan para pelajar kerana asal kitab ini tidak bertajuk, juga saya jelaskan beberapa masail dengan mudah dan saya jadikan ianya ta'liq yang ringkas. Maka hamba yang lemah ini memohon manfaat dan rahmat dari Allah sebelum memulakan tugas kitab ini. Jika terdapat kesalahan dalam penulisan saya, maka perbetulkan dan tegurlah saya. Wa Allahu a'lamu bissowab..

Biodata Penulis Kitab Sittin Masalah

Beliau ialah Al-Faqih Al-Imam Ahmad bin Muhammad bin Sulaiman. Digelar sebagai “Syihab al-Din” dan “Abu Al-Abbas”. Beliau berasal dari Kaherah, Mesir. Beliau dikenali sebagai “Az-Zahid” yakni orang yang zuhud. Beliau merupakan seorang yang bermazhab Syafi’e.

Beliau sangat suka membangunkan serta membaik pulih masjid-masjid lama. Beliau juga telah membina sebuah masjid untuk majlis ilmu dan sebagai pusat khidmat masyarakat terutamanya para wanita.

Beliau telah menulis pelbagai kitab untuk para muridnya serta para masyarakat. Antara kitab beliau yang masyhur:

1. رسالة النور
2. هدية المتعلم وعمدة المعلم
3. تحفة المبتدي ولمعة المنتهي
4. متن الستين مسألة

Beliau wafat pada tahun 819 Hijrah. Semoga Allah merahmati serta redha keatas beliau.

Biodata Imam Muhammad Bin Idris Asy-syafi'e

Nama: Muhammad bin Idris bin Al-'Abbas bin Uthman bin Syafi' bin As-Saib.

Gelaran: Abu 'Abdullah.

Kelahiran: Beliau dilahirkan di Ghaza pada tahun 150 Hijrah dan dua tahun selepas kelahiran beliau, ayahnya meninggal dunia. Ibunya takut akan mensia-siakan nasab Imam Syafi'e iaitu "Mutolibbi", pulang beliau dari Ghaza ke Quraisy dan tinggal di "Zi Thuwa".

Kehidupan: Hafal Al-Quran pada usia 7 Tahun, menghafal Al-Muwatho' dalam ilmu hadis pada umur 10 Tahun, dan diberi keizinan untuk berfatwa dan mengajar pada umur 15 Tahun.

Antara guru-guru beliau: Al-Imam Malik bin Anas dan Al-Imam Muhammad bin Hasan Asy-Syaibani moga Allah redhai keduanya.

Murid-murid beliau: Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Al-Muzani, Imam Az-Zaafarani, Imam Ar-Rabi' Al-Murodi, Imam Ar-Rabi' Al-Jizi.

Antara kitab karangan beliau:

1. Kitab Al-Hujjah: Ditulis ketika di Negara Iraq dan merupakan kitab untuk mazhab Al-Qodim.
2. Kitab Al-Umm: Ditulis di Mesir dan merupakan kitab untuk mazhab Al-Jadid.
3. Kitab Ar-Risalah: Kitab terawal yang dikarang dalam ilmu Usul Fiqh.

Wafat: Beliau wafat pada waktu 'Asar pada hari Juma'at, 29 Rejab 204 Hijrah dan dikebumikan di rumah Abdullah bin Abdul Hakam di Kaherah. Kini, didirikan pada maqamnya sebuah masjid yang terkenal dengan nama Masjid Imam Asy-Syafi'e di Mesir.

Sekilas Tentang Kitab Sittin Masalah

Sittin Masalah bermaksud 60 masalah. Dinamakan 60 masalah bukan kerana hanya terdapat 60 masalah sahaja di dalam ini, tetapi terdapat ratusan masalah jika dihuraikan. Pengarang menamakan kitabnya sebegini untuk memberikan maksud bahawa kitab ini sangat banyak permasalahan fiqh.

Kitab ini jika dilihat hanya memperbahaskan perkara dasar dalam mazhab Imam Syafie, ini kerana kitab ini ditulis agar menjadi permulaan bagi anak-anak dalam mempelajari fiqh. Kitab ini hanya membahaskan toharah (bersuci), solat dan puasa, adapun zakat dan haji tidak dibahaskan kerana kebiasaan anak-anak tidak membayar zakat sendiri dan tidak mampu pergi melakukan haji.

Alhamdulillah dengan kurniaan Allah saya telah mengkhatamkan kitab ini sebanyak 3 kali, 1 kali bersama Syiekh Atiyyah Lasyin dan 2 kali bersama guru yang tercinta iaitu Syiekh Hisyam Al-kamil. Saya juga pernah mengajar kitab ini melebihi dari dua kali dan disebabkan itulah saya menulis ta'liq ringkas ini agar boleh menjadi rujukan mudah bagi memahami matan teks kitabnya. Kepada Allah saya memohon agar menjadikan kitab ini bermanfaat buat umum manusia. Amin ya Robbal alamin.

Sanad ijazah bagi kitab sittin masalah

أقرأ و أدرس و أروي هذا الكتاب المبارك عن شيخي و أستاذي و أبي
في الأرواح الأستاذ الدكتور هشام الكامل حامد موسى الأزهرى
الشافعي النقشبندى عن الأستاذ الدكتور رفعت فوزى عبد المطلب عن
الشيخ المحدث محمد الحافظ بن سالم بن عبد اللطيف، عن العلامة
السيد بدر الدين الحسنى، عن عبد القادر بن صالح الخطيب، عن
الوجيه الكزبري، عن عبد الملك بن عبد المنعم القلعي، عن الشهاب
أحمد بن محمد الخليلي، عن محمد بن داود الفناتي، عن نور الدين
الحلبي، عن الجمال عبد الله الشنشوري، عن الزين عبد الحق
السنباطي، عن محمد بن عمر بن أحمد الواسطي الشمس الغمراوي عن
مؤلفه الإمام الشهاب الزاهد بن العباس أحمد بن محمد بن سليمان بن
أحمد القاهري (ت:819هـ) رحمه تعالى رحمة واسعة.

و قد أجزت الأخ الكريم:

بعد أن سمع مني هذا الكتاب و أوصيه و إياي بتقوى الله في السر و العلن و ألا
ينساني و أهلي و مشايخي من صالح دعائه.

وصلى الله على سيدنا محمد و على آله و صحبه أجمعين

المجيز:

الأستاذ محمد نعيم سعدي

الشافعي الأزهرى النقشبندى

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha pengasih¹
بَيَانٌ مَا لَا بُدَّ مِنَ الْفُرُوضِ الْوَاجِبَةِ عَلَى مَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ (رَحِمَهُ
اللَّهُ).

Inilah sebuah penerangan yang mesti (diketahui) dari
kerfarduan-kefarduan yang wajib² dalam mazhab syafie³.

¹ Syarah: bismillah atau basmalah ialah merupakan muqaddimah yang sangat penting, semua pengarang akan memulakan penulisan mereka dengan perkataan ini sama ada berupa tulisan atau berupa ucapan. Dalil bagi Baslamah ialah sabda Baginda:

كل أمر ذي بال لا يبدأ فيه ببسم الله الرحمن الرحيم فهو أقطع.

(Hadith ini direkodkan oleh Imam Ar-rohawi fil Arbain.)

Ini juga kerana mengikuti permulaan surah Al-fatihah yang dimulai dengan Basmalah. Hukum memulakan sesuatu perkara yang ada padanya kebaikan dan bukan larangan ialah sunnat.

² Iaitu di dalam kitab ini penulis hanya membawakan perbahasan pada perkara-perkara yang sangat penting sahaja seperti bersuci, solat, puasa. Adapun haji dan zakat tidak dibawa di dalam kitab ini.

(Kelebihan Menuntut Ilmu)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَ مُسْلِمَةٍ.

Berkata nabi Muhammad ﷺ: menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap muslim dan muslimat.⁴

وَ قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : كَفَاكَ مِنَ الْعِلْمِ الدِّينِ أَنْ تَعْرِفَ مَا لَا يَسْعُكَ جَهْلُهُ.

Berkata Ibnu Abbas radiallahu anhu : ilmu itu akan menjadi cukup bagi kamu apabila kamu mengetahui perkara yang kamu tidak patut jahil tentangnya.⁵

³ Telah dinyatakan biodata beliau sebelum ini.

⁴ Hadith ini riwayat dari Saidina Anas bin Malik, sebahagian mengatakan ianya dhoif seperti Imam Iraqi dan sebahagian mengatakan ianya Hasan seperti Imam Suyuthi. Di dalam hadith ini ada penambahan kalimat muslimah, ianya pada asal tidak termasuk dalam hadith dan dalam permasalahan ini ia dikira sebagai riwayat bil ma'na. mafhum dari hadith ini ilmu yang wajib dipelajari ialah ilmu agama yang diguna pakai seharian yang tidak layak bagi setiap muslim untuk tidak mengetahuinya.

وَقَالَ الْعُلَمَاءُ رَحِمَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى : مَنْ صَلَّى جَاهِلًا بِكَيْفِيَّةِ الْوُضُوءِ وَ
الصَّلَاةِ لَمْ تَصِحَّ صَلَاتُهُ وَإِنْ صَادَقَتْ الصَّحَّةُ فِيهَا.

Berkata para ulama: barangsiapa solat dan berwuduk dalam keadaan jahil, dengan kaedah yang benar maka solatnya itu tidak sah walaupun perbuatannya bertepatan dengan rukunnya.⁶

⁵ Iaitu jika seseorang tidak mahu mempelajari banyak ilmu maka sekurang-kurangnya ia mempelajari perkara yang wajib sahaja yang ia perlukan seperti solat yang wajib ia lakukan setiap hari, atau perkara yang mendatang seperti ia ingin berkahwin, maka sebelum berkahwin hendaklah ia mempelajari bab perkahwinan.

⁶ Ini kerana ia tidak tahu apakah perlakuannya itu sah atau tidak, meskipun ia berwudhuk' mengikut yang lain yang mengetahui caranya. Jadi dalam masalah ini ada rinciannya. Jika ia mengatakan semua perlakuannya ialah wajib maka amalannya sah, jika ia mengatakan bahawa perlakuannya sebahagian sunat dan sebahagian wajib dan ia tidak menentukan yang mana sunat dan yang mana rukun maka amalannya sah, akan tetapi jika ia mengatakan bahawa apa yang dilakukannya sunat maka amalannya tidak sah.

وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُهُ فِي الدِّينِ.

Sabda nabi Muhammad : barangsiapa yang Allah inginkan kebaikan untuknya maka Allah memberikannya kefahaman ilmu agama.⁷

وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا عُبِدَ اللَّهُ بِشَيْءٍ أَفْضَلَ مِنْ فِقْهِ فِي الدِّينِ.

Berkata nabi Muhammad □: tidak ada perkara paling terbaik dalam beribadah kepada Allah melainkan memahami (mempelajari) ilmu agama.⁸

⁷ Ini kerana agama terbina atas dasar ilmu dan orang tidak berilmu tidak mengetahui yang ianya salah atau benar. Jadi ketika Allah memberikan keilmuan fiqh pada seseorang ini berarti Allah sayang padanya, Allah ingin ia tidak tersalah dalam beribadah kepada Allah. Moga-moga kita tergolong di dalamnya.

⁸ Hadith ini riwayat Abu Hurairah dan direkodkan oleh Imam Thobroni di dalam Mu'jam Awsath. Mafhum dari hadith: fiqh menjadi lebih afdhal dari ibadah sunat lain ialah kerana ianya sama ada menjadi fardu ain, fardu kifayah atau menjadi sunat. Jadi sekalipun seseorang itu solat 1000 rakaat tentu sahaja tidak akan menyamai dengan seseorang yang belajar satu bab dari ilmu. Juga ilmu boleh memberi manfaat kepada pelajar dan

(Kaedah Iman)

قَوَاعِدُ الْإِيمَانِ

بِهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تَمَانِيَةً : يَجِبُ عَلَى الْعَبْدِ أَنْ يَعْلَمَهَا بِقَلْبِهِ أَنَّهُ تَعَالَى
حَيٌّ، قَادِرٌ، مُتَكَلِّمٌ، سَمِيعٌ، بَصِيرٌ، عَالِمٌ، مُرِيدٌ، بَاقٌ.

BAB 1: KAEDAH⁹ IMAN¹⁰

Bagi Allah itu lapan¹¹ sifat yang wajib setiap orang hamba¹²

boleh dimanfaatkan kepada yang lain, adapun ibadat lain hanya manfaat pada pelakunya sahaja. Oleh kerana ini mempelajari ilmu agama terutama fiqh lebih afdhal.

⁹ Qowaid jamak qaidah yang berarti qadhiyyah kulliyah yang datang padanya hukum-hukum juziyyah.

¹⁰ makna iman ialah mempercayai dengan setiap apa yang dibawa oleh Rasulullah dari Allah.

¹¹ iaitu sekurang-kurang sifat yang wajib diketahui.

¹² Yang mukallaf: yakni yang baligh, berakal, sampai seruan dakwah dan sifat pancaindera (pendengaran atau pengelihatatan).

mengetahuinya dengan hati nya¹³

bahawa allah¹⁴ itu hidup¹⁵, berkuasa¹⁶, berkata¹⁷,
mendengar¹⁸, melihat¹⁹, mengetahui²⁰,

menghendaki²¹, yang kekal²².

¹³ Mengetahui dan meyakini.

¹⁴ nama bagi zat yang maha tinggi.

¹⁵ Iaitu hidup dengan sebenar-benarnya tanpa memerlukan kepada nyawa.

¹⁶ berkuasa dengan sebenar-benarnya dan ia ialah sifat yang berdiri pada zat.

¹⁷ Berkata-kata dengan kata-kata yang azali, tanpa huruf, suara dan bahasa.

¹⁸ Mendengar dengan sifatnya tanpa perantaraan telinga.

¹⁹ Iaitu melihat dengan sifatnya tanpa perantaraan mata.

²⁰ Mengetahui dengan ilmunya yang azali.

²¹ Iaitu berkehendak dengan sifat kehendaknya yang azali.

(Rukun Islam)

قَوَاعِدُ الْإِسْلَامِ خَمْسٌ
شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامُ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءُ
الزَّكَاةِ، وَصَوْمُ رَمَضَانَ، وَحَجُّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا.

BAB 2:KAEDAH ISLAM ADA LIMA²³

Mengucap dua kalimah syahadah²⁴

²² Iaitu yang tidak mati, tidak hancur dan tidak pupus.

²³ Iaitu rukun-rukun Islam semuanya ada lima. Bersandarkan dalil dari Baginda Rasulullah ﷺ :

بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمد رسول الله ، وإقام الصلاة وإيتاء الزكاة وصوم رمضان والحج.

(hadith riwayat Ibnu Umar dan direkodkan oleh Imam Bukhari dan Muslim)

²⁴ Syarat sah syahadah ialah: baligh, berakal, sampai dakwah, bukan terpaksa, menyebut dua kalimah syahadah, dengan tertib dan muwalat, mengucapkan kalimat asyhadu, mengetahui makna, dan pengakuan.

(أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ)²⁵

mendirikan solat²⁶, menunaikan zakat²⁷, berpuasa di bulan ramadhan²⁸ dan berhaji bagi sesiapa yang mampu melakukannya²⁹.

²⁵ iaitu ketika mengucap mesti menggunakan ucapan ini.

²⁶ Solat lima waktu sehari semalam. Solat disyariatkan pada 27 rejab 1 tahun setengah sebelum hijrah.

²⁷ iaitu bagi yang mempunyai harta untuk menunaikan zakatnya ketika sudah cukup haul dan nisab. Zakat disyariatkan pada tahun kedua hijrah.

²⁸ Puasa ialah menahan diri dari makan dan minum dan juga jima' serta perkara-perkara yang membatalkan puasa dari waktu subuh sehingga maghrib dengan niat. Dan disini dikhususkan bagi puasa 30 hari di bulan Ramadhan. Puasa disyariatkan pada tahun kedua hijrah.

²⁹ iaitu mengerjakan haji ke baitullah. Haji hanya wajib bilamana sudah mencukupi syarat-syaratnya dan ini diperbahaskan di

(Istinja')

الِاسْتِنْحَاءُ

وَاجِبٌ مِنْ كُلِّ خَارِجٍ مِنَ السَّبِيلَيْنِ مُلَوِّثٌ بِمَاءٍ، أَوْ حَجَرٍ، أَوْ مَا يَقُومُ مَقَامَهُ مِنْ كُلِّ
جَامِدٍ، طَاهِرٍ، قَالِعٍ، غَيْرِ مَطْعُومٍ، وَلَا مُحْتَرَمٍ وَلَا مُبْتَلٍ.
وَ يَقُولُ عِنْدَ دُخُولِ الْخَلَاءِ:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ

وَ إِذَا خَرَجَ قَالَ:

غُفْرَانَكَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَ عَافَانِي

BAB 3: ISTINJA'³⁰

dalam kitab-kitab yang luas perbahasannya. Haji disyariatkan pada tahun 6 hijrah.

³⁰ Istinja' bermakna menghilangkan najis dari kemaluan sama ada di depan atau belakang dengan air, batu atau sesuatu yang keras dan yang suci.

istinja'(menghilangkan najis) wajib dari apa yang keluar dari dua jalan³¹ dengan air atau batu, atau sesuatu yang bersifat keras³²,

³¹ Qubul dan dubur (zakar, faraj dan kawasan lubang punggung).

³² Seperti tisu.

suci, bukan makanan³³, bukan sesuatu yang dihormati³⁴ dan tidak basah³⁵.

Maka bagi sesiapa yang masuk ke tandas hendaklah membaca³⁶:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ³⁷

Dan ketika keluar membaca:³⁸

³³ Seperti roti walaupun roti kering.

³⁴ Seperti kitab.

³⁵ Seperti tisu basah.

³⁶ Hukumnya sunat, dan disunatkan menutup kepala dan masuk dengan kaki kiri.

³⁷ makna doa: dengan nama Allah, ya Allah aku memohon perlindungan denganmu dari syaitan jantan dan syaitan betina.

³⁸ Hukumnya sunat, dan dibaca doa ini setelah keluar dari tandas. Disunatkan keluar tandas dengan kaki kanan.

غُفِرَ لَكَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَ عَافَانِي.³⁹

³⁹ Makna doa ialah: keampunanmu ya Allah, segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan dariku kesakitan (dengan berak atau kencing) dan telah memberiku afiat kesihatan (dengan makanan yang berbaki).

(Rukun-Rukun Wudhu')

وَفَرُوضُ الْوُضُوءِ سِتَّةٌ:
النِّيَّةُ بِالْقَلْبِ وَ تَجِبُ مُقَارَنَتُهَا بِغَسْلِ أَوَّلِ جُزْءٍ مِنَ الْوَجْهِ، وَ غَسْلُ الْوَجْهِ
مِنْ مَنَابِتِ الشَّعْرِ الرَّأْسِ الْمُعْتَادِ إِلَى مُنْتَهَى الدَّقْنِ طَوَّلًا، وَ مِنْ وَتْدِ الْأُذُنِ
عَرَضًا، وَ يَجِبُ غَسْلُ جُزْءٍ مِنْ رَأْسِهِ وَ تَحْتَ حُنْكَه وَ دَقْنَهُ، وَ غَسْلُ كُلِّ
هَدَبٍ، وَ حَاجِبٍ، وَ شَارِبٍ، وَ عَنُقْفَةٍ، وَ عَذَارٍ، وَ لِحْيَةٍ خَفِيفَةٍ شَعْرًا وَ
بَشْرًا، وَ ظَاهِرُ مَا اسْتَرْسَلَ مِنْ لِحْيَةٍ كَثِيفَةٍ، وَ غَسْلُ يَدَيْهِ مَعَ مَرْفَقَيْهِ، وَ
مَسْحُ الْقَلِيلِ مِنْ بَشْرَةِ الرَّأْسِ أَوْ مِنْ شَعْرٍ لَا يَخْرُجُ عَنِ الْحَدِّ الرَّأْسِ وَلَوْ
مُدًّا، وَ غَسْلُ رِجْلَيْهِ مَعَ كَعْبَيْهِ، وَ التَّرْتِيبُ.
وَ مَا سِوَى ذَلِكَ مِنْ سُنَنِ مِنْ تَسْمِيَةٍ، وَ غَسْلِ كَفَيْهِ ثَلَاثًا، وَ مَضْمَضَةٍ وَ
اسْتِنْشَاقٍ، وَ مَسْحِ الْأُذُنَيْنِ وَ غَيْرِ ذَلِكَ.

BAB 4 :FARDU WUDHU' ADA ENAM PERKARA:

1)niat dengan hati yang disertakan basuhan pertama dari wajah.⁴⁰

⁴⁰ Dengan meniatkan perbuatan itu seperti meniatkan “sahaja aku mengambil wudhu”, atau “sahaja aku mengambil fardu wudhu” atau sahaja aku mengangkat hadath kecil” ini diniatkan dalam hati. Adapun melafazkan niat maka hukumnya sunat.

2) membasuh muka dengan had panjangnya dari tempat permulaan tumbuh rambut hingga akhir dagu.⁴¹

*maka wajib membasuh sedikit dari permulaan kepala,⁴² bawah dagu⁴³, bulu mata⁴⁴, kening⁴⁵, misai⁴⁶, bawah bibir (kumis)⁴⁷, jambang (sideburn)⁴⁸, janggut yang nipis⁴⁹

⁴¹ Berserta segala bulu yang di atas muka. Had panjang itu mula dari akar tumbuh rambut.

⁴² Tempat tumbuh rambut.

⁴³ Sebelum halkum.

⁴⁴ Bulu yang terdapat di mata.

⁴⁵ Bulu yang di atas mata.

⁴⁶ Bulu yang di atas bibir.

⁴⁷ Serta bulu yang ada jika nipis.

⁴⁸ Bulu yang tumbuh di tepi muka sebelum telinga zahir dan batinnya, adapun bulu dibawahnya dipanggil dalam bahasa arab (صُدْعٌ) tidak wajib jika tebal, wajib jika nipis.

⁴⁹ Yang boleh nampak kulitnya dari hadapan.

berserta kulitnya dan apa yang terzhahir dari janggut yang tebal⁵⁰ (luarannya).

3)membasuh dua tangan hingga ke dua siku.⁵¹

4)menyapu sedikit air di kepala atau rambut yang tidak keluar dari had kepala.⁵²

5)membasuh dua kaki hingga dua buku lali.⁵³

6)tertib.⁵⁴

⁵⁰ Yang tidak nampak kulitnya dari hadapan.

⁵¹ Berserta dengan apa yang ada di atasnya dari bulu-bulu. Wajib dibuang segala halangannya seperti pewarna kuku misalnya.

⁵² Walaupun satu urat rambut atau setengah urat rambut.

⁵³ Berserta dengan apa yang ada di atasnya dari bulu-bulu.

⁵⁴ Iaitu mengikut turutan. Dimulai dari muka kemudian tangan ke siku, kemudian kepala dan seterusnya kaki.

dan diantara sunat-sunatnya seperti bismillah⁵⁵, membasuh kedua pergelangan tiga kali⁵⁶, berkumur⁵⁷, istinsyaq⁵⁸, menyapu air ke telinga⁵⁹

dan sebagainya⁶⁰.

⁵⁵ Dilakukan dari awal mula wudhu'. Jika dilakukan di tengah wudhuk maka boleh juga, adapun jika dilakukan setelah wudhu' maka tidak disunatkan lagi.

⁵⁶ Dilakukan sebelum berkumur untuk wudhu'.

⁵⁷ Memasukkan air ke dalam mulut sama ada mengedarkannya atau meluapkannya kembali.

⁵⁸ Memasukkan air ke dalam hidung sama ada tidak membuangnya kembali atau membuangnya kembali.

⁵⁹ Caranya ialah memasukkan jari telunjuk ke dalam telinga dan dipusingkan di dalam telinga, ibu jari pula diletakkan di belakang telinga dan ditolak dari bawah ke atas, lalu tapak tangan di sapukan di bahagian hadapan telinga.

⁶⁰ Iaitu sunat-sunat yang lain yang tidak disebutkan di sini seperti: menyapu seluruh kepala, menyelat-nyelat janggut yang tebal, menggosok di celah-celah jari, mendahulukan yang kanan

sebelum kiri, diulang tiga kali basuhan selepas sah basuhan pertama, berturut-turut iaitu bersegera, melebihi had basuhan muka dan melebihi had basuhan tangan daripada had kadar wajib, menghadap kiblat jika boleh dan membaca doa ini selepas wudhu’:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَ رَسُولُهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ، وَ اجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَ اجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ.

(Perkara-Perkara Yang Membatalkan Wudhuk)

وَ يُبْطِلُهُ خَمْسَةٌ:

الجَارِحُ مِنْ أَحَدِ السَّيْلَيْنِ، وَ نَوْمٌ غَيْرِ الْمُمَكَّنِ مَقْعَدَتُهُ مِنَ الْأَرْضِ، وَالْعَلْبَةُ عَلَى الْعُقْلِ بِسُكْرٍ أَوْ جُنُونٍ أَوْ إِغْمَاءٍ، وَلَمَسُ الْمَرْأَةِ الْكَبِيرَةِ غَيْرِ الْمَحْرَمِ، وَ مَسُّ الذَّكَرِ أَوْ حَلَقَةِ الدُّبُرِ بِبَطْنِ الْكَفِّ وَ بَاطِنِ الْأَصَابِعِ مَعَ نَفْسِهِ أَوْ غَيْرِهِ.

BAB 5:PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDHU'⁶¹

Wudhu' itu terbatal dengan 5 perkara:

1)keluar sesuatu dari dua jalan(qubul atas dubur).⁶²

2)tidur di tempat yang tidak tetap punggungnya di atas bumi.⁶³

⁶¹ Dinamakan juga hadas kecil.

⁶² Apa sahaja yang keluar dari dua kemaluan selain dari mani.

⁶³ Seperti tidur berbaring dan telentang. Tidak batal jika tidur duduk sama ada bersandar atau tidak dan sama ada di atas lantai atau di atas kerusi.

3) hilang akal dengan sebab mabuk, gila atau pengsan.⁶⁴

4)menyentuh wanita yang besar yang bukan mahram.⁶⁵

5)memegang zakar atau lubang dubur dengan tapak tangan dan anak jari sama ada diri nya atau orang lain.⁶⁶

⁶⁴ Beza antara tidur dan pengsan ialah tidur tidak hilang akal, cuma tidur tidak sedar keluar angin. Ia batal sekalipun lahzoh.

⁶⁵ yang bukan mahram ialah yang halal dikahwini. Adapun adik beradik kandung, tiri, ibu bapa saudara, ayah dan ibu kandung, ibu susuan tidak membatalkan wudhu' kerana mereka mahram. Hukum ini juga pada yang sudah baligh yang mencapai tahap bersyahwat. Adapun pada anak-anak kecil maka menyentuh mereka tidak membatalkan wudhu'.

⁶⁶ Jika menyentuh menggunakan belakang tapak tangan, dan disisi tepi tangan tidak membatalkan wudhu'. Batal juga jika menyentuh kemaluan orang lain sekalipun mayat, akan tetapi wudhu' yang disentuh tidak batal.

(Rukun Mandi Wajib)

وَفُرُوضُ الْغُسْلِ الْوَاجِبِ:

النِّيَّةُ، وَ إِيصَالُ الْمَاءِ إِلَى جَمِيعِ بَدَنِهِ، وَ شَعْرِهِ، وَ بَشْرَتِهِ حَتَّى مَا تَحْتَ
قُلْفَةَ غَيْرِ الْمَخْتُونِ، وَ بَاطِنِ أَدْنِيهِ وَ صَمَاحِيهِ، وَ خَرَقِ فِيهِمَا، وَ سِرَّتِهِ،
وَ أَلْيَيْهِ، وَ إِزَالَةَ النَّجَاسَةِ مِنْ عَلَى بَدَنِهِ إِنْ كَانَتْ، وَ مَا سِوَى ذَلِكَ سُنَنٌ
مِنْ تَسْمِيَةٍ، وَ غَسَلُ كَفْيِهِ ثَلَاثًا وَ مَضْمَضَةٌ، وَ اسْتِنْشَاقٌ، وَ غَيْرُ ذَلِكَ.

BAB 6: FARDU MANDI JUNUB⁶⁷

1)Niat.⁶⁸

2)Menyampaikan air kepada seluruh badannya, rambutnya, kulitnya, sehingga di bawah kulup (القلفة)⁶⁹ bagi orang tidak

⁶⁷ Mandi junub ialah mandi wajib untuk mengangkat hadas besar.

⁶⁸ Niat di dalam hati berserta membasuh mana-mana anggota tubuh. Contoh niat ialah kita meniatkan :

"نويت رفع الحدث الأكبر" أو "نويت الغسل الواجب"

“Sahaja aku mengangkat hadas besar” atau “sahaja aku mandi wajib”

⁶⁹ Kulup ialah kulit lebihan di kemaluan orang yang tidak berkhatan.

bersunat, dalam telinganya serta lubangnya, mengorek di dalamnya, pusatnya, punggungnya⁷⁰ dan menghilangkan najis pada badan jika ada⁷¹ maka selain dari itu adalah sunat seperti bismillah⁷², membasuh tangan tiga kali, berkumur, istinsyaq⁷³ dan selainnya.⁷⁴

⁷⁰ Masa mandi perlu untuk ditekankan atau diterankan sedikit seperti orang yang ingin berak, dan membasuh bahagian itu.

⁷¹ Ini hukumnya ialah sunat dan bukan rukun. Mengikut Imam Nawawi, cukup jika mandi itu yang mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

⁷² Di awal mandi.

⁷³ Memasukkan air ke dalam hidung, sama ada melepaskannya atau tidak.

⁷⁴ Seperti: menghadap kiblat, menggosok anggota badan dengan tangan, mulai dari sebelah kanan, mengulang basuhan 3 kali dan berwudhu' sebelum mandi.

Tambahan: mandi seperti ini ada yang hukumnya sunat seperti mandi solat jumaat, mandi untuk menyambut hari raya, mandi untuk minta hujan, mandi kerana gerhana matahari atau bulan, mandi orang kafir setelah islamnya jika yakin yang ia tidak

(Perkara Yang Dilarang Pada Orang Yang Berhadass Kecil)

وَيَحْرَمُ بِالْحَدَثِ خَمْسَةَ أَشْيَاءَ:

الصَّلَاةَ، وَ الطَّوَّافُ، وَ خُطْبَةَ الْجُمُعَةِ، وَمَسُّ الْمُصْحَفِ، وَ حَمْلُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ تَابِعًا.

BAB 7: LARANGAN KE ATAS ORANG YANG BERHADASS (KECIL)⁷⁵

Diharamkan ke atas orang yang berhadass 5 perkara: iaitu solat⁷⁶, tawaf⁷⁷, khutbah jumaat,⁷⁸

berhadass besar sebelum islam, mandi untuk ihram haji dan umrah, mandi kerana hendak memandikan mayat dan lain-lain lagi.

⁷⁵ Iaitu orang yang melakukan perkara yang membatalkan wudhu'. Sila rujuk pada babnya.

⁷⁶ Sekalipun sujud syukur atau sujud tilawah.

⁷⁷ Kerana hukumnya seperti solat iaitu mesti ada wudhu' jika melakukan tawaf.

menyentuh mushaf⁷⁹, menanggungnya⁸⁰ kecuali jika ia bersama barang yang lain⁸¹.

⁷⁸ kerana solat hari jumaat dan khutbah ialah dua kewajipan yang berbeza.

⁷⁹ Lebih haram jika memegang. Melainkan tafsir Al-quran yang ayat tafsirannya lebih banyak dari ayat Al-quran maka ini dibolehkan.

⁸⁰ Iaitu menanggung Al-quran.

⁸¹ Seperti membawa beg yang berisi Al-quran maka disini ada penelitian:

- Jika niat membawa Al-quran maka hukumnya haram.
- Jika niat membawa barang dan tidak niat membawa Al-quran maka hukumnya halal.

Tambahan: hukum ini terkena pada yang baligh, berakal sahaja. Adapun orang gila atau kanak-kanak yang belum baligh maka tidak haram.

(Perkara Yang Diharamkan Atas Orang Yang Berjunub)

وَ يَحْرُمُ بِالْجَنَابَةِ ثَمَانِيَةَ أَشْيَاءَ:

مَا حَرَّمَ بِالْحَدَثِ، وَ قِرَاءَةَ الْقُرْآنِ إِلَّا مَا اسْتُثْنِيَ مِنْهُ كَالْتَّسْمِيَةِ، وَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَإِنَّا لِلَّهِ وَ إِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ، يَقُولُ ذَلِكَ بِقَصْدِ التَّبَرُّكِ، وَ الْمَكْتُ فِي الْمَسْجِدِ، وَ التَّرَدُّدُ فِيهِ.

BAB 8: LARANGAN KE ATAS ORANG YANG BERJUNUB⁸²

Diharamkan pada orang yang berjunub semua perkara yang diharamkan ke atas orang yang berhadass kecil⁸³ dan ditambah lagi pada orang yang berjunub tidak boleh membaca alquran⁸⁴ melainkan perkataan yang dikecualikan⁸⁵

⁸² Orang ini dipanggil juga dengan hadas besar. Sebab bagi hadas besar ada enam: mati, keluar mani, jima' (walau tidak keluar mani), haidh, nifas dan wiladah.

⁸³ Iaitu 5 perkara yang telah disebutkan: solat, tawaf, menyentuh Al-quran, membawa Al-quran dan khutbah jumaat.

⁸⁴ dengan niat membaca Al-quran.

⁸⁵ Dengan niat membaca doa.

seperti bismillah⁸⁶, alhamdulillah⁸⁷, inna lillahi wainna ilaihi raji'un⁸⁸ yang diucapkan dengan niat mengambil keberkatan⁸⁹, tetap didalam masjid⁹⁰ atau berbolak-balik di dalamnya.⁹¹

⁸⁶ Ketika ingin makan misalnya. Bismillah ialah ayat pertama dalam surah Al-fatihah.

⁸⁷ ketika selesai dari makan misalnya. Alhamdulillah ialah ayat kedua surah al-fatihah.

⁸⁸ Ketika ada yang meninggal. Ayat ini dari surah Al-baqarah ayat 156.

⁸⁹ Iaitu dengan niat doa atau zikir. Adapun jika niat membaca Al-quran atau niat membaca Al-quran berserta zikir maka hukumnya haram.

⁹⁰ Sekalipun sebentar.

⁹¹ Adapun jika sekadar melalui maka tidak mengapa. Dimaafkan pada yang berjunub untuk menetap di dalam masjid kerana dhorurat, maka dibolehkan.

(Perkara Yang Diharamkan Atas Orang Yang Haidh Dan Nifas)

وَ يَحْرُمُ بِالْحَيْضِ عَشْرَةَ أَشْيَاءَ:

مَا يَحْرُمُ بِالْحَيْضِ، وَالصَّوْمُ، وَالطَّلَاقُ.

BAB 9: LARANGAN KE ATAS ORANG YANG BERHAID⁹² 10 PERKARA

apa sahaja diharamkan atas orang yang berjunub⁹³ maka haram juga ke atasnya⁹⁴ (dan ditambah lagi dua iaitu puasa⁹⁵ dan talak⁹⁶).

⁹² Juga pada orang yang nifas.

⁹³ Iaitu solat, tawaf, khutbah jumaat, menyentuh Al-quran, membawa Al-quran, membaca Al-quran, berada di dalam masjid dan berbolak balik di dalam masjid.

⁹⁴ Iaitu pada orang yang haidh dan nifas.

⁹⁵ Kerana di antara syarat sah puasa ialah suci daripada haidh dan nifas.

⁹⁶ Iaitu haram bagi suami untuk menceraikan isterinya ketika isterinya sedang haidh atau nifas. Hikmah disebalik

(Tayammum)

وَيُبِيحُ التَّيْمَمَ وَجُودَ الْعُذْرِ ، وَ الْعَجْزُ عَنِ اسْتِعْمَالِ الْمَاءِ .

BAB 10: TAYAMMUM⁹⁷

Tayammum itu hukum nya "boleh" jika ada padanya uzur⁹⁸ atau lemah menggunakan air⁹⁹,

pengharaman ini ialah ianya melambatkan waktu iddah bagi wanita tersebut dan ini sebuah kezaliman.

⁹⁷ Makna tayammum dari segi bahasa ialah: qasad (sengaja). Manakala pada syara' pula ialah: menepuk debu ke tanah ke muka dan dua tangan ganti daripada wudhu' atau mandi dengan syarat-syarat tertentu. Tayammum disyariatkan sebagai keringanan bagi sesiapa yang memerlukannya dan mencukupi syarat serta sebab-sebabnya.

⁹⁸ Uzur seperti tiada air sama ada dalam perjalanan atau dalam kampung. Disebut khas musafir kerana biasa dalam masa itu susah mendapatkan air.

⁹⁹ Misalnya tubuhnya akan mendapat mudharat jika terkena air seperti membawa kepada mati atau cedera, juga dalam kategori ini jika takut untuk mendapatkan air misalnya dalam

وَشُرُوطُهُ: دُخُولُ الْوَقْتِ وَالطَّلَبُ إِنْ اِحْتِيَاجَ إِلَيْهِ، وَالتَّرَابُ الطُّهُورُ.

dan syaratnya¹⁰⁰ :

-Masuk waktu¹⁰¹ , meminta air jika perlu,¹⁰²

perjalanan untuk mendapat air itu ada musuh atau binatang buas yang mengancam nyawa atau harta kita. Adapun jika ada air akan tetapi cukup untuk minum diri dan haiwan yang muhtaram (dihormati) maka boleh juga bertayammum.

¹⁰⁰ Syarat ialah sesuatu perkara yang menjadi sah jika ia ada, dan jika ia ada maka perkara itu boleh terjadi atau tidak terjadi.

¹⁰¹ iaitu secara yakin. Tidak sah tayammum pada waktu syak. Jika ia tayammum sebelum masuk waktu, maka ketika masuk waktu ia perlu bertayammum sekali lagi.

¹⁰² Iaitu mencari air sebelum melakukan tayammum iaitu dengan menjerit dan bertanya disekelilingnya sama ada mereka mempunyai air atau tidak.

Had bagi mencari air ada 3:

debu yang suci¹⁰³,

وَفَرُوضُهُ أَرْبَعَةٌ: نِيَّةُ اسْتِبَاحَةِ الصَّلَاةِ، وَ مَسْحُ الْوَجْهِ وَالْيَدَيْنِ، وَ
الْتَّرْتِيبُ.

Dan fardunya itu 4:¹⁰⁴

Niat membolehkan solat,¹⁰⁵

Had jerit (الْعَوْتُ): sekitar 150 meter, jika bersangka ada air di kawasan itu.

Had dekat (الْقُرْبُ): sehingga 4.5 km, disyaratkan perjalanan itu selamat pada diri dan harta.

Had jauh (الْبَعْدُ): iaitu lebih dari had dekat.

¹⁰³ dari jenis tanah, bukan musta'mal, bukan yang bercampur najis, bukan bercampur dengan benda suci seperti kapur, debu tembikar, pasir yang tiada debu dan lainnya.

¹⁰⁴ Fardunya iaitu rukunnya. Sebahagian kitab menyebut 5 rukunnya. Salah satu rukun yang tidak disebutkan di sini ialah memindahkan debu ke muka dengan tapak tangan.

¹⁰⁵ Diniatkan ketika tangan menepuk ke tanah sehingga manyapu sedikit dari muka. Niat itu seperti kita mengatakan di dalam hati "sahaja aku bertayammum untuk membolehkan

menyapu muka,¹⁰⁶ menyapu tangan ke siku¹⁰⁷ dan tertib.¹⁰⁸

وَسُنَّتُهُ: التَّسْمِيَةُ، وَتَقْلِيمُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى، وَتَخْفِيفُ التُّرَابِ، وَ الْمُوَالَاهُ، وَ عَيْرُ ذَلِكَ.

Dan sunat-sunatnya seperti:

Bismillah, mendahulukan kanan dari kiri, meringankan debu, berturut-turut dan selainnya.¹⁰⁹

solat fardu” atau “sahaja aku bertayammum untuk membolehkan solat”.

¹⁰⁶ tidak disyaratkan dengan terperinci, memadai disapu ke muka sekali sahaja. Tidak disunatkan untuk melakukan tathlist seperti wudhu’.

¹⁰⁷ sekali sapu yang menyambungkan tangan kanan ke kiri (sunat).

¹⁰⁸ Iaitu mengikut turutan dari muka kemudian barulah tangan.

¹⁰⁹ Semuanya sama seperti wudhu’ melainkan tiada kumur, istinsyaq, tathlist, memerincikan sapuan janggut tebal, menyapu telinga, menyapu seluruh kepala, melebihi sapuan muka dan tangan. Meringankan debu dengan cara menepuk

وَيُبْطِلُهَا: مَا يُبْطِلُ الْوُضُوءَ.

Dan perkara yang membatalkannya:

Segala perkara yang membatalkan wudhu'.¹¹⁰

وَيَتَيَمَّمُ لِكُلِّ فَرِيضَةٍ، وَ يُصَلِّي بِهِ مَا شَاءَ مِنَ النَّوَافِلِ قَبْلَ الصَّلَاةِ وَ بَعْدَهَا فِي الْوَقْتِ وَ بَعْدَهُ.

Hendaklah orang yang bertayammum itu bertayammum setiap kali masuk waktu fardu¹¹¹ dan dibolehkan untuk mengerjakan apa sahaja dari solat-solat sunat sebelum solat fardu dan selepasnya.¹¹²

tangan ke tanah kemudian dikurang sedikit debu di tangan sebelum menyapu ke muka.

¹¹⁰ selain dari ini ada lagi satu pembatal tayammum, iaitu: mengetahui ada air pada orang yang bertayammum kerana tidak ada air sebelum masuk mengerjakan solat atau tengah menyebut “ro” akbar sekalipun air itu sedikit cukup buat untuk seorang sedangkan yang bertayammum itu ramai. Sebahagian ulama menambah lagi pembatal wudhu’ iaitu murtad.

¹¹¹ Kerana tayammum ialah keringanan.

¹¹² Kerana solat sunat tiada had padanya. Oleh kerana itu diizinkan untuk melakukan sebanyak mana yang diinginkan

(Solat)¹¹³

وَأَمَّا الصَّلَاةُ فَشُرُوطُهَا أَرْبَعَةٌ: الْإِسْلَامُ، وَالتَّبَلُّغُ، وَالْعَقْلُ، وَالنَّفَاقَةُ
مِنَ الْحَيْضِ وَالنَّفَاسِ.

BAB 11: SYARAT WAJIB SOLAT DAN SYARAT SAH SOLAT

Adapun syarat wajib¹¹⁴ solat itu empat:

Islam¹¹⁵,

dengan satu tayammum. Lalu apabila masuk waktu maka ia perlu melakukan tayammum lagi.

¹¹³ Definisi solat ialah: setiap perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam dengan syarat-syarat yang ditentukan pada kebiasaannya.

¹¹⁴ Makna syarat ialah sesuatu perkara yang menjadi sah jika adanya syarat-syarat tersebut, dan jika syarat itu ada boleh sahaja perkara itu dilakukan atau tidak dilakukan. Jadi disini ialah syarat wajib membawa maksud maka jika seseorang itu tidak mencukupi syarat ini maka ia tidak wajib sembahyang, adapun begitu sembahyang yang didirikannya tetap sah jika memenuhi syarat sah dan rukun.

baligh¹¹⁶, beraqal¹¹⁷ dan suci daripada haid dan nifas.¹¹⁸

¹¹⁵ iaitu tidak wajib solat bagi orang yang kafir, malah ia tidak perlu qadha solat untuk waktu yang ia menjadi kafir jika telah memeluk agama islam. Adapun orang yang menjadi kafir kerana murtad maka wajib mengqadhakan semua solatnya yang ditinggalkan sepanjang ia menjadi kafir sekiranya ia masuk islam kembali.

¹¹⁶ iaitu dengan 3 tanda: keluar mani sekurang-kurang umur 9 tahun pada hak lelaki dan perempuan atau cukup keduanya 15 tahun atau keluar darah haid pada wanita sekurang-kurang umur 9 tahun hijriyyah taqribiyyah.

¹¹⁷ iaitu tidak gila. Ini berdasarkan dalil dari hadith, juga kerana orang yang gila tidak mengerti apa yang ia lakukan, juga kanak-kanak yang tidak mumayyiz tidak sah solatnya, adapun jika mumayyiz maka sah (secara ghalib kebiasaan).

¹¹⁸ Haidh ialah darah yang keluar dari faraj perempuan atas sebab kebiasaan manakala nifas pula darah yang keluar dari faraj wanita selepas beranak. Tempoh haidh sekurang-kurangnya ialah 24 jam, kebiasaannya 6 atau 7 hari dan paling lama waktunya 15 hari berserta malam, manakala tempoh nifas pula sekurang

Syarat sah solat

وَ شَرَائِطُ صِحَّتِهَا ثَمَانِيَةٌ: التَّمْيِيزُ، وَمَعْرِفَةُ فَرَضِيَّتِهَا، وَ تَمْيِيزُ فَرَائِضِهَا مِنْ سُنَنِهَا، وَ مَعْرِفَةُ دُخُولِ الْوَقْتِ يَقِينًا أَوْ ظَنًّا، وَ سِتْرُ الْعَوْرَةِ، وَ عَوْرَةُ الرَّجُلِ وَالْأَمَةِ مَا بَيْنَ السُّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ، وَ عَوْرَةُ الْحُرَّةِ جَمِيعٌ بِدَحْهَا إِلَّا الْوَجْهَ وَالْكَفَّيْنِ، وَ اسْتِغْبَالُ الْقَبْلَةِ إِلَّا فِي شِدَّةِ الْخَوْفِ، وَ نَقْلُ السَّفَرِ، وَ طَهَارَةُ الْبَدَنِ، وَ طَهَارَةُ النَّوْبِ، وَ مَوْضِعُ الصَّلَاةِ.

Syarat sah solat ada 8:

Mumayyiz,¹¹⁹ mengetahui kefarduannya dan membezakan fardu dan sunatnya,¹²⁰ mengetahui masuk waktu dengan

waktunya ialah sekali keluar, kebiasaannya 40 hari dan paling lama waktunya 60 hari berserta malam.

Tambahan: orang perempuan yang keluar darah istihadhah masih wajib dalam melakukan solat.

¹¹⁹ Iaitu seorang budak yang sudah tahu menjawab pertanyaan, atau sudah tahu menguruskan makan, minum, mandi, bersuci sendiri atau sudah mampu membezakan kanan dan kiri. **(syarat pertama)**

¹²⁰ Jika ia menyatakan semuanya fardu atau sebahagian sunat dan sebahagian fardu maka solatnya sah, akan tetapi jika ia

cara yakin¹²¹ atau zhon(sangkaan),¹²² menutup aurat,¹²³ aurat lelaki dan hamba¹²⁴ diantara pusat dan lutut manakala aurat perempuan adalah seluruh badannya melainkan muka dan dua tangan,¹²⁵ menghadap qiblat¹²⁶ melainkan pada

menyatakan semuanya sunat maka solatnya tidak sah.**(syarat kedua)**

¹²¹ Seperti mendengar azan. **(syarat ketiga)**

¹²² Seperti meletakkan kayu untuk mengetahui bayang.

¹²³ Seperti yang akan disebutkan selepas ini. **(syarat keempat)**

¹²⁴ Iaitu hamba lelaki dan perempuan.

¹²⁵ ini ialah aurat dalam solat, bukan aurat diluar solat. Ramai yang tersalah dalam hal ini, maka semaklah kitab yang besar-besar.

¹²⁶ Secara yaqin seperti di hadapan ka'bah atau secara ijtihad seperti kita di Malaysia berusaha mendapatkan arah kiblat melalui kompas. Mengikut kompas arah qiblat di Malaysia ialah 293. **(syarat kelima)**

waktu ketakutan¹²⁷ dan solat sunat di waktu bersafar,¹²⁸ suci badan, suci pakaian, suci tempat solat.¹²⁹

¹²⁷ Bagi solat fardu dan sunat.

¹²⁸ meskipun kurang dari 2 marhalah.

¹²⁹ Dari najis mukhaffafah, mutawassithah, mughallazah, juga dari apa yang terpisah dari haiwan yang tidak boleh dimakan seperti bulu kucing, juga haiwan yang tidak boleh dimakan sekalipun tidak berdarah seperti semut. Perkara yang memabukkan jika cair tidak boleh dibawa solat akan tetapi jika keras seperti daun ganja maka sah dibawa solat. **(syarat keenam, ketujuh dan kelapan)**

Rukun-rukun solat

وَفُرُوضُ الصَّلَاةِ: النِّيَّةُ، وَتَكْبِيرَةُ الإِحْرَامِ، وَ الْقِيَامُ لِلْقَائِدِ، وَ قِرَاءَةُ
الْفَاتِحَةِ، وَ الرُّكُوعُ وَ طَمَأْنِينَتُهُ، وَ الإِعْتِدَالُ وَ طَمَأْنِينَتُهُ، وَ السُّجُودُ وَ
طَمَأْنِينَتُهُ، وَ الْجُلُوسُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ وَ طَمَأْنِينَتُهُ، وَ الْجُلُوسُ لِلتَّسْبِيحِ
الْأَخِيرِ، وَ التَّسْبِيحُ فِيهِ، وَ الصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَ سَلَّمَ، وَ
التَّرْتِيبُ، وَ الْمَوَالِةُ، وَ التَّسْلِيمَةُ الْأُولَى.

BAB 12: RUKUN SOLAT

Dan rukun-rukun solat itu: niat,¹³⁰ takbiratul ihram,¹³¹

¹³⁰ iaitu ingat dalam hati untuk mengerjakan solat, adapun melafazkan niat hukumnya sunat. Disyaratkan bagi niat itu qasad (sahaja aku solat), taarrudh (fardu) dan ta'yin (zuhur atau asar misalnya). Adapun yang selain ini hukumnya sunat. Wajib bagi makmum untuk meniatkan dirinya makmum jika ia solat berjemaah.

¹³¹ iaitu mengucapkan Allahu Akbar. Disyaratkan pada takbir ini diucapkan ketika berdiri, dengan bahasa arab bagi yang mampu, dengan lafaz jalalah (allah) dan akbar, tertib diantara dua kalimat tersebut, tidak dimadkan pada huruf alif dalam kalimat

mampu berdiri,¹³² membaca alfatihah,¹³³

Allah, tidak dimadkan pada “ba” dalam kalimat akbar, tidak mentasydidkan “ba” dalam kalimat akbar, tidak menambah wau sukun atau yang berharkat di tengah antara dua kalimat tersebut, tidak menambah wau sebelum kalimat jalalah, tidak berhenti dengan tempoh yang panjang melebihi tiga kalimat dengan adat ta’rif, memperdengarkan dirinya sendiri, masuk waktu solat padanya, menghadap kiblat, tidak merosakkan huruf, makmum melambatkan takbir dari imam.

¹³² Sekalipun perlu untuk sedikit condong ketika berdiri, jikalau benar tidak mampu berdiri maka boleh solat dalam keadaan duduk.

¹³³ Iaitu membaca segala hurufnya dengan benar dan menjaga tasydid-tasydidnya, tidak mengurangi huruf dan tidak menambah idgham padanya. Syaratnya lagi ialah perlu muwalat iaitu berturut-turut, tertib pada setiap ayat, tidak diam dalam waku yang lama, memperdengarkan diri sendiri, tidak diselangi dengan ucapan ajnabi, membaca dengan bahasa arab, jika tidak mampu perlu membaca zikir dan tidak boleh diterjemah.

ruku',¹³⁴ tomakninah,¹³⁵ iktidal,¹³⁶ tomakninah,¹³⁷ sujud,¹³⁸

¹³⁴ Iaitu membongkok dengan menundukkan kepala dan dua tapak tangan diletak di atas lutut.

¹³⁵ Iaitu diam seketika sekadar satu tasbih dan tenang anggota.

¹³⁶ Iaitu kembali berdiri betul selepas dari rukuk dan sebelum melakukan sujud. Bangunnya memang kerana untuk iktidal dan bukan kerana terkejut. Jika bangun kerana terkejut maka harus turun rukuk dan bangkit sekali lagi.

¹³⁷ Iaitu tenang ketika l'tidal.

¹³⁸ Sujud dua kali pada setiap rakaat. Caranya ialah bertonggeng meletakkan dahi, dua tapak tangan, dua lutut dan dua kaki ke lantai. Dahi mesti terbuka dan tidak sujud di atas apa yang mengikuti kita (bergerak). Selain dari dahi dibolehkan untuk ditutup misal memakai sarung tangan. Sekurang-kurang sebahagian dari dahi mesti kena tempat sujud.

tomakninah,¹³⁹ duduk di antara dua sujud,¹⁴⁰ tomakninah,¹⁴¹ duduk pada tahiyat akhir,¹⁴² membaca tahiyat akhir,¹⁴³ selawat ke atas nabi pada tahiyat akhir,¹⁴⁴ tertib,¹⁴⁵ berturut-turut¹⁴⁶ dan salam yang pertama¹⁴⁷.

¹³⁹ iaitu tenang seketika ketika sujud.

¹⁴⁰ Sebaiknya dengan duduk iftirasy iaitu seperti duduk tahiyat awal.

¹⁴¹ iaitu tenang seketika ketika duduk.

¹⁴² Sebaiknya dengan duduk tawarruk caranya ialah duduk seperti iftirasy juga melainkan pada duduk ini punggung dibiarkan menyentuh bumi, kaki kiri keluar ke ruang yang ada di kaki kanan, dan kaki kanan kekal menegak.

¹⁴³ Akan disebutkan dibawah ini.

¹⁴⁴ akan disebutkan juga di bawah nanti.

¹⁴⁵ iaitu mengikut aturan seperti yang telah disebutkan.

¹⁴⁶ Ini termasuk dalam golongan tertib.

¹⁴⁷ iaitu ucapan sekurang kurang salam ialah Assalamualaikum. Mesti betul makhrajnya kerana ia ialah rukun qauli.

(lafaz tasyahhud)

وَأَلْفَاظُ التَّشَهُّدِ خَمْسُ كَلِمَاتٍ:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، سَلَامٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، سَلَامٌ عَلَيْنَا وَ عَلَى عِبَادِ اللَّهِ
الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ
وَ هُوَ الْوَاجِبُ، وَ آلِهِ وَ مَا بَعْدَهُ مِنَ السُّنَنِ.

*Lafaz tahiyyat akhir lima kalimat (jumlah):¹⁴⁸

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، سَلَامٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَ رَحْمَةُ اللَّهِ وَ بَرَكَاتُهُ، سَلَامٌ عَلَيْنَا وَ
عَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ
اللَّهِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Dan lafaznya ini wajib, manakala lafaz yang selepasnya ialah sunat.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Semua ini mesti diucapkan dengan betul huruf dan tasydidnya. Jika tidak betul mesti diulang, kerana ini ialah rukun qauli. Lafaz ini ialah sekurang kurangnya tasyahhud, adapun yang lebih sempurna mungkin boleh dirujuk kitab safinatunnaja.

وَفُرُوضُ الصَّلَاةِ مِنْهَا: الْقَلْبِيُّ، وَ مِنْهَا لِسَانِيٌّ وَ مِنْهَا بَدَنِيٌّ. فَالْأَوَّلُ النَّيُّ، وَ الثَّانِي تَكْبِيرُهُ
الْإِحْرَامِ، وَالثَّلَاثُ بَقِيَّةُ الْفُرُوضِ.

Kewajiban solat itu tiga iaitu hati, lidah, badan.¹⁵⁰

Yang pertama (Hati):niat.¹⁵¹

Yang kedua (Lidah):seperti takbiratul ihram.¹⁵²

¹⁴⁹ iaitu ada yang sunat ab'ad dan ada yang sunat haiat.

¹⁵⁰ ini hanyalah untuk menyatakan bahawa di dalam rupa sebuah solat, tidak akan keluar dari tiga ini.

¹⁵¹ Ini ialah pekerjaan yang menggunakan hati. Dipanggil juga rukun qalbi. Niat dilakukan berserta dengan takbiratul ihram sahaja.

¹⁵² ini dipanggil rukun qauli, selain dari ini maka rukun qauli yang lain ialah surah alfatihah, lafaz tasyahhud seperti yang telah disebutkan sebelum ini dan salam yang pertama.

Yang ketiga (Badan) selain dari kedua yang di atas.¹⁵³

¹⁵³ Iaitu selain dari rukun qalbi dan qauli yang telah kita sebutkan maka semuanya ialah rukun fi'li iaitu rukun yang melibatkan perbuatan.

(Sunat-Sunat Dalam Solat)

وَسُنُّنُ الصَّلَاةِ أَبْعَاضٌ وَهَيَأَتٌ، فَأَلْبَعْضُ سِنَّةٌ: الْفُتُوتُ، وَالْفِيَامُ لَهُ، وَ
التَّشَهُدُ الْأَوَّلُ، وَالْجُلُوسُ لَهُ، وَالصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
فِيهِ، وَالصَّلَاةُ عَلَى إِلِهِ فِي التَّشَهُدِ الْأَخِيرِ.

Bab 13: Perkara-Perkara Sunat Di Dalam Solat

perkara - perkara sunat didalam solat itu ada yang ab'ad dan ada yang hai-at.

Sunat ab'ad itu enam:¹⁵⁴

Membaca doa qunut,¹⁵⁵ berdiri ketika membaca doa qunut, membaca doa tahiyat awal,¹⁵⁶ duduk ketika tahiyat awal,

¹⁵⁴ Sunat ab'ad (أَبْعَاضٌ) ialah sunat yang jika ditinggalkan ditekankan untuk sujud sahwi. Sunatnya ada 6 perkara seperti yang akan disebutkan dibawah.

¹⁵⁵ Doanya akan disebutkan nanti,

¹⁵⁶ Telah disebutkan di fasal lalu.

selawat atas nabi pada tahiyat awal,¹⁵⁷ selawat atas keluarganya pada tahiyat akhir.¹⁵⁸

¹⁵⁷ adapun selawat atas nabi pada tahiyat akhir ialah rukun iaitu wajib.

¹⁵⁸ Selawat atas keluarga nabi pada tahiyat awal ialah makruh, ini seperti yang disebutkan oleh guru kami di dalam kitab beliau Syarah Matn Abu Syuja yang berjudul Imta' Najib, maka rujuklah di sana.

(Doa Qunut)

وَأَلْفَاظُ الْقُنُوتِ:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ. وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ. وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ. وَبَارِكْ لِي
فِيمَا أَعْطَيْتَ. وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ. فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ. وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ
مَنْ وَالَيْتَ.

وَلَا يَعْزُزُ مَنْ عَادَيْتَ. تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ وَ صَلَّى اللهُ عَلَى النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ مُحَمَّدٍ وَ آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَ سَلَّمَ.

وَالْأَبْعَاضُ السَّنَّةُ الْمُتَقَدِّمَةُ إِنْ تَرَكَهَا عَمْدًا أَوْ سَهْوًا سَجَدًا، فَإِنْ تَرَكَ سُجُودَ السَّهْوِ
فَلَا شَيْءَ عَلَيْهِ.

Bacaan Doa Qunut (Latin):¹⁵⁹

Allah hummah dini fiman hadait.

Wa'a fini fiman 'afait.

Watawallani fiman tawal-lait.

¹⁵⁹ Diterjemah begini supaya menjadi mudah bagi sesiapa yang ingin mempelajarinya.

Wabarikli fima a'thait.

Waqini syarrama qadhait.

Fainnaka taqdhi wala yuqda 'alaik.

Wainnahu layadzillu man walait.

Wala ya'izzu man 'adait.

Tabaa rakta rabbana wata'alait.

Wasallallahu 'alan nabiyil ummiyyi muhammadin. Wa'ala alihi wasohbihi Wasallam.¹⁶⁰

Maka sunat-sunat ab'ad yang diatas itu jika ditinggalkan sengaja atau lupa hendaklah disujud sahwi,¹⁶¹ adapun jika meninggalkan sujud sahwi maka tidaklah mengapa.¹⁶²

¹⁶⁰ Jika menjadi imam, maka tukarlah dhamir dari 'ni' (saya) kepada 'na' (kami). Ini dari awal doa qunut Allahummahdina sehinggal waqina syarroma qadhoit. Seterusnya boleh dibaca sendirian sehinggal selesai.

¹⁶¹ Hukumnya sunat.

¹⁶² Iaitu masih sah solatnya.

(Sunat Hai-At)

وَالْهَيْئَاتُ لَا يَسْجُدُ لَهَا وَهِيَ كَثِيرَةٌ مِنْهَا: رَفَعُ الْيَدَيْنِ عِنْدَ الْإِحْرَامِ حَدْوً
مَنْكَبِيهِ، وَوَضْعُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى تَحْتَ صَدْرِهِ وَفَوْقَ سُرَّتَيْهِ وَنَظَرُهُ
إِلَى مَوْضِعِ سُجُودِهِ، وَدُعَاءُ الْإِفْتِتَاحِ، وَأَخْصَرَهُ اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَ
الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، وَغَيْرُ ذَلِكَ مِنَ السَّنَنِ
الْمَشْهُورَةِ.

Sunat hai-ah:

laitu sunat yang mana jika ditinggalkan tidak dituntut untuk sujud sahwi¹⁶³ dan ianya banyak sekali¹⁶⁴ antaranya:

Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram sekadar dua bahu, meletakkan tangan kanan kanan di atas tangan kiri dibawah dada dan di atas pusat, melihat ke tempat sujud, membaca doa iftitah dan yang seringkasnya ialah:

اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَ الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَ سُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

¹⁶³ Ini ta'rif atau definisi bagi sunat hai-at.

¹⁶⁴ Saya telah mengumpulkan sunat hai-at di dalam solat di dalam buku fiqh saya Syarah Risalah Jamiah dan semuanya berjumlah 40 perkara sunat dalam solat.

Dan sunat-sunat yang selainnya seperti yang diketahui.¹⁶⁵

¹⁶⁵ Perkara sunat yang lain ialah: membaca taawwuz sebelum membaca fatihah pada tiap-tiap rakaat, membaca secara nyaring pada solat malam, membaca secara perlahan dalam solat siang melainkan jumaat, dua hari raya, solat gerhana, dan solat minta hujan, menyebut 'amin' selepas membaca surah alfatihah sama ada solat secara imam atau solat bersendirian, jika solat bersama imam aminkanlah bersama amin imam, mengucapkan takbir intiqalat yang lima iaitu ketika hendak rukuk, ketika hendak sujud, ketika dari sujud ke duduk antara dua sujud, ketika ingin sujud kedua, ketikan bangkit dari sujud kedua sama ada untuk tahiyat awal atau ke rakaat seterusnya, mengucap 'samiallahu liman hamidah' ketika bangkit dari rukuk, mengucapkan 'robbana lakal hamdu' ketika iktidal, membaca doa di rukuk 'subhana robbiyal azhim', membaca doa ketika sujud 'subhana robbiyal a'la', membaca doa antara dua sujud 'robbighfiri', duduk iftirasy pada semua jenis duduk dalam solat dan duduk tawarruk pada tahiyat akhir, berpaling ke kanan ketika memberi salam pertama, memberi salam kedua, berpaling ke kiri ketika memberi salam kedua, menyapu muka sambil membaca doa 'allahumma azhib 'annil hamma wal hazan'. Ada banyak lagi akan tetapi ini mencukupi bagi kitab sekecil ini.

(Pembatal solat)

وَيُبْطِلُهُ الصَّلَاةُ عَشْرَةَ أَشْيَاءَ: أَوْلَاهَا الْحَدَثُ عَمْدًا أَوْ سَهْوًا، وَ تَأْيِيهَا وَفُوقُ نَجَاسَةٍ غَيْرِ مَعْفُو عَنْهَا رُطْبَةٌ أَوْ يَابِسَةٌ عَلَى تَوْبِهِ أَوْ بَدَنِهِ مِنْ غَيْرِ إِزَالَتِهَا فِي الْحَالِ، وَ كَشْفُ الْعَوْرَةِ إِنْ لَمْ يَسْتُرْهَا فِي الْحَالِ، وَ الْكَلَامُ الْعَمْدُ، وَ الْعَمَلُ الْكَثِيرُ أَوْ الْوَتْبَةُ، وَ أَكْلُ وَ شَرْبُ عَمْدًا، وَ اسْتِدْبَارُ الْقِبْلَةِ، وَ تَغْيِيرُ النِّيَّةِ، وَ الْفَهْقَهَةَ التَّنْحِيحَ إِلَّا فِي فَاتِحَةٍ أَوْ تَشْهُدٍ أَخِيرٍ إِذَا امْتَنَعَ مِنْ قِرَاءَتِهِمَا سِرًّا بِسَبَبِ بَلْغَمٍ وَ نَحْوِهِ، وَ قَطْعُ رُكْنٍ عَمْدًا وَ الزِّيَادَةُ فِي فَرَضٍ مِنْ فُرُوضِهَا عَمْدًا، لَا فِي فَاتِحَةٍ وَ تَشْهُدٍ أَخِيرٍ.

BAB 14: PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT.

Perkara yang membatalkan solat itu sepuluh perkara:

- 1)berhadass (sengaja atau tidak sengaja)¹⁶⁶.
- 2)terkena najis yang tidak dimaafkan¹⁶⁷

¹⁶⁶ Sama ada hadas kecil atau besar.

¹⁶⁷ najis ada yang dimaafkan dan ada yang tidak dimaafkan, yang dimaafkan ialah: jika najis yang tidak nampak pada pandangan biasa, atau jika sedikit seperti darah yang terkena

yang kering atau basah pada baju atau badan dengan tidak menghilangkannya segera.¹⁶⁸

3) tertedah aurat¹⁶⁹ jika tidak menutupnya dengan segera.¹⁷⁰

pada badan atau baju tetapi tidak dimaafkan pada air, dimaafkan pada tempat seperti najis burung dengan syarat sukar dielak, tidak disengaja untuk melalui kawasan itu dan tidak basah dari dua pihak. Ada lagi satu najis yang ianya dimaafkan jika masuk pada air tetapi tidak sah jika berada dalam pakaian dan badan seperti bangkai yang tidak berdarah seperti semut dan nyamuk. Adapun najis dalam kategori mutawassitah, mukhaffafah dan mughallazah jika dibawa ke dalam solat maka solat batal.

¹⁶⁸ Jika ia kering lalu terkena pada pakaian maka boleh terus membuang, jika ianya basah dan memungkinkan untuk menghilangkan dengan air yang berada disebelah misalnya atau boleh membuang baju dengan segera maka tidak batal, adapun jika tidak dibuang segera maka solat batal.

¹⁶⁹ Rujuk bab aurat yang telah dibahaskan pada terdahulu.

¹⁷⁰ Jika tidak ditutup segera maka solat batal, tetapi jika ditutup segera maka tidak batal. Jika terbuka aurat dengan sebab dibuka kain oleh monyet atau kanak-kanak yang tidak

4)berkata-kata dengan sengaja.¹⁷¹

5)banyak pergerakan yang berturut-turut¹⁷²

mumayyiz maka solat tetap batal sekalipun ditutup dengan segera.

¹⁷¹ Iaitu dengan mengetahui hukum, sekalipun kata-kata yang tidak mempunyai makna. Demikian juga berdehem dan menangis yang mengeluarkan bunyi seperti dua huruf maka membatalkan solat. Adapun jika berkata dengan tidak sengaja maka solat tidak batal dengan disyaratkan tidak melebihi 6 patah perkataan, jika lebih solat batal sekalipun tidak sengaja.

¹⁷² Kesimpulan masalah ini seperti berikut: jika tangan dihitung satu pergerakan dengan pergi dan pulangnya tangan, jika kaki pula dihitung dengan satu langkah sama ada ke hadapan atau ke belakang, jadi kebiasaan ketika mahu maju ke hadapan kita akan menggunakan dua langkah. Jika sudah melakukan dua langkah harus berhenti seketika supaya tidak ada dhabit berturut-turut. Ini semua pada gerakan besar. Adapun jika pada pergerakan kecil seperti menggerakkan jari, mata, kemaluan maka ianya tidak membatalkan solat sekalipun lebih dari 3 pergerakan.

atau lompatan¹⁷³.

6) makan dan minum dengan sengaja.¹⁷⁴

7) membelakangi qiblat¹⁷⁵

¹⁷³ Illatnya kerana ia sudah menggerakkan lebih dari tiga pergerakan iaitu dua tangan dan dua kali dan satu kepala.

¹⁷⁴ Makan jika dengan sengaja sama ada sikit atau banyak maka solat batal, makan dengan tidak sengaja jika banyak membatalkan solat adapun jika sedikit tidak melebihi sebesar kacang kuda maka tidak membatalkan solat.

Minum dengan sengaja sama ada sedikit atau banyak maka membatalkan solat, jika tidak sengaja dan ianya banyak maka membatalkan solat adapun jika sedikit seperti kurang satu teguk maka tidak membatalkan solat. Maka telitilah masalah ini.

¹⁷⁵ iaitu berpaling dengan dada sama ada ke kiri atau ke kanan sekalipun dengan sebab dirempuh. Ini membatalkan solat sekalipun ia berpaling ke qiblat dengan segera. Adapun jika berpaling dengan sebab jahil hukum atau terlupa maka tidak batal jika segera kembali.

8)berubah niat.¹⁷⁶

9)ketawa dan berdehem¹⁷⁷ kecuali pada bacaan alfatihah dan tahiyyat akhir jika kahak menyukarkannya dari membacanya.¹⁷⁸

¹⁷⁶ yaitu untuk membatalkan solat sama ada dengan bersebab seperti dikatakan “jika hujan turun maka aku hentikan solat” maka solatnya batal sekalipun hujan belum turun. Adapun jika memindahkan solat maka hukumnya seperti berikut:

- jika dari solat fardu pindah ke solat fardu maka batal, jika dari solat fardu ke solat sunat yang berwaktu maka solat batal, jika dari solat fardu ke solat sunat mutlaq maka tidak batal.

- jika dari solat sunat berwaktu ke solat fardu maka solat batal.

- jika dari solat sunat mutlaq hendak ke solat fardu atau solat sunat berwaktu maka batal.

¹⁷⁷ dengan bunyinya dua huruf.

¹⁷⁸ Adapun pada bacaan sunat maka tidak diluluskan untuk melakukan demikian.

10)meninggalkan rukun atau menambahkannya dengan sengaja seperti tidak membaca fatihah dan tahiyat akhir.¹⁷⁹

¹⁷⁹ Jika terlupa dan teringat kembali, wajib untuk mendatangkan kembali rukun rukun itu.

Penutup: sebahagian ulama menyatakan di antara perkara yang membatalkan wudhu' ialah murtad. Maka jika seseorang murtad maka solatnya juga batal. Adapun yang ashoh (الأصح), murtad tidak membatalkan wudhu, tetapi membatalkan solat.

(Perbezaan solat lelaki dan perempuan)

وَالْمَرْأَةُ كَالرَّجُلِ فِي جَمِيعِ مَا دُكِرَ عَلَيْهِ أَنَّهُ لَيْسَ عَلَيْهَا أَذَانٌ، فَإِنْ أَدْنَتْ لِنَفْسِهَا
أَوْ أَقَامَتْ جَازًا لَكِنْ لَا تَرْفَعُ صَوْتَهَا، وَتَرْفَعُ يَدَيْهَا عِنْدَ الْإِحْرَامِ، وَالرَّجُلُ إِلَى
شَحْمَةِ أُذُنَيْهِ، وَتَضُمُّ بَعْضُهَا إِلَى بَعْضٍ، وَ لَا يَجْهَرُ الْمَرْأَةُ بِالْقِرَاءَةِ، فَإِنْ
جَهَرَتْ بِهَا جَازًا، وَإِنْ اسْتُوذِنَتْ فِي الصَّلَاةِ ضَرَبَتْ بَطْنَ كَفِّهَا الْأَيْمَنِ، وَتَمْعُدُ
الْمَرْأَةُ فِي الصَّلَاةِ مُفْتَرِشَةً، وَكَيْفَ جَلَسَتْ فِيهَا جَازًا وَهِيَ كَالرَّجُلِ.

BAB 15: PERBEZAAN LELAKI DAN PEREMPUAN DALAM SOLAT

Cara solat lelaki dan perempuan adalah sama dalam semua perkara yang telah disebutkan kecuali pada:

-Wanita tidak boleh azan adapun jika azan atau iqamat untuk dirinya sendiri¹⁸⁰ dibolehkan tetapi dengan tidak meninggikan suara.

¹⁸⁰ Atau untuk Jemaah wanita.

-Mengepitkan tangannya ketika takbiratul ihram.¹⁸¹

-tidak menzahirkan suaranya dengan bacaan maka jika menzahirkan bacaan dan didengari oleh diri sendiri¹⁸² maka boleh.

-ketika ingin memberikan isyarat¹⁸³ hendaklah menepuk dengan tangannya yang kanan,¹⁸⁴

¹⁸¹ Bagi wanita, tetapi jika bagi lelaki sunat direnggangkan tangannya ketika takbiratul ihram. Selain dari takbiratul ihram, wanita juga disunatkan untuk melekatkan perutnya dengan pahanya ketika sujud.

¹⁸² atau di dengari Jemaah wanita dengan ketiadaan orang lelaki.

¹⁸³ Iaitu untuk menegur imam misalnya.

¹⁸⁴ Iaitu menepuk ke belakang tangannya yang kiri. Adapun lelaki cara menegurnya ialah dengan mengucapkan "subhanallah" dengan syarat ucapan itu dengan niat berzikir atau berzikir dan menegur. Adapun jika niat menegur sahaja maka batal solat.

- duduknya di dalam solat ialah dengan iftirash¹⁸⁵ dan dengan duduk dengan cara apapun dibolehkan dan ini seperti lelaki.¹⁸⁶

¹⁸⁵ Iftirash ialah duduk di atas tapak kaki yang kiri dan ditegakkan kaki yang kanan dibiarkan jari-jari kaki menghadap ke kiblat.

¹⁸⁶ iaitu pada kaifatnya ketika duduk dalam solat termasuk ketika tahiyat akhir iaitu dengan tawarruk.

Tambahan: tawarruk ialah duduk sebelah punggung kiri dengan menghulurkan kaki kiri ke bawah betis kaki kanan.

(Solat Jenazah)

وَفَرُوضُ الصَّلَاةِ عَلَى الْجَنَازَةِ أَحَدَ عَشَرَ: الْقِيَامُ، وَالنِّيَّةُ، وَالتَّعَرُّضُ
لِلْفَرِيضَةِ، يَقُولُ أَصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْجَنَازَةِ فَرَضًا إِمَامًا أَوْ مَأْمُومًا، وَارْبَعُ
تَكْبِيرَاتٍ، وَقِرَاءَةُ الْفَاتِحَةِ، وَالصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
وَأَدْنَى الدُّعَاءِ لِلْمَيِّتِ بِخُصُوصِهِ وَهُوَ "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، وَ
التَّسْلِيمَةَ الْأُولَى كَعَبْرَهَا، وَيُسْتَرْطُ خَلْعُ نَعْلَيْهِ وَ يَقِفُ عَلَى ظَاهِرِهِمَا إِنْ
كَانَا ظَاهِرَانِ.

BAB 15: SOLAT JENAZAH.

Rukun solat jenazah ada sebelas:

Berdiri,¹⁸⁷ niat,¹⁸⁸ mendatangkan niat kefarduan¹⁸⁹ dengan mengatakan sahaja aku sembahyang atas ini mayat fardu

¹⁸⁷ Bagi yang mampu untuk berdiri.

¹⁸⁸ Lafaznya dalam bahasa arab seperti berikut:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ فَرَضًا

¹⁸⁹ Iaitu meniatkan diri melakukan solat ini dengan hukum fardu. Jika makmum ditambah niat makmum dan jika imam ditambah niat imam. Ini ialah rukun ketiga yang ianya pecahan dari niat.

sebagai imam atau makmum¹⁹⁰, empat takbir,¹⁹¹ bacaan alfatihah,¹⁹² selawat ke atas nabi,¹⁹³ membaca doa kepada mayat¹⁹⁴ sependeknya ialah “ allahumma ighfirlahu warhamhu,

¹⁹⁰ Ini terjemahan bagi niat yang arabnya.

¹⁹¹ Di sini terhitung padanya 4 rukun.

¹⁹² Sebaiknya dibaca dalam takbir yang pertama, boleh juga untuk dibaca di dalam takbir yang lain.

¹⁹³ mesti dilakukan selepas takbir yang kedua, tidak dibolehkan pada takbir yang lain.

¹⁹⁴ Dibaca dalam takbir yang ketiga. Boleh dibaca dengan doa apapun akan tetapi doa yang di atas ialah yang makthur dan ianya lebih baik. Jika mahu doa yang panjang maka seperti berikut:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (لَهَا) وَارْحَمْهُ (هَا) وَعَافِهِ (هَا) وَاغْفُ عَنْهُ (هَا) وَاكْرِمْ نَزْلَهُ (هَا) وَوَسِّعْ
مَدْخَلَهُ (هَا) وَاغْسِلْهُ (هَا) بِالْمَاءِ وَالطَّلْحِ وَالْبَرْدِ وَنَقِّهِ (هَا) مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى التَّوْبُ
الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدِلْهُ (هَا) دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ (هَا) وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ (هَا)
وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ (هَا) وَقِهِ (هَا) فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ

Jika mayat lelaki disebut dengan “hu” dihujungnya dan jika mayat itu perempuan disebut “ha” di hujungnya.

salam yang pertama¹⁹⁵ seperti selainnya.¹⁹⁶

*disyaratkan membuka kasut¹⁹⁷ dan berdiri atasnya jika suci.¹⁹⁸

¹⁹⁵ tidak sunat sebut wabarokatuh.

¹⁹⁶ Iaitu salam seperti solat-solatnya yang lain juga.

¹⁹⁷ Jika kasut itu najis atau mutanajjis.

¹⁹⁸ Adapun jika tidak suci maka tidak dibolehkan. Berkata syiekh alawi abu bakar: pengarang berkata sebegini kerana kebiasaan solat jenazah didirikan di tempat selain masjid.

Tambahan: wajib untuk meletakkan mayat di hadapan.

Penutup: jika mayat itu lelaki sunat untuk solat dekat kepalanya dan jika mayat itu perempuan dan khunsa sunat untuk solat berdekatan punggungnya.

(Zakat)

وَالزَّكَاةُ وَاجِبَةٌ فِيمَا وَجِبَتْ فِيهِ : بِنَصَائِحِ الْمَعْرُوفِ .

BAB 16: ZAKAT-Dengan nisab yang ditentukan dan diketahui.¹⁹⁹

¹⁹⁹ Bab ini tidak dibahasakan oleh pengarang dengan banyak kerana kitab ini hakikatnya ditulis untuk pemula dalam ilmu fiqh. Akan tetapi sebagai mengambil keberkatan maka saya tuliskan sedikit ta'liq yang mungkin berguna bagi pemula dalam ilmu fiqh.

Zakat dari segi bahasa: penyucian.

Zakat dari segi syara' (iaitu yang dimaksudkan oleh syariat) ialah: nama bagi kadar yang tertentu daripada harta yang tertentu, diberikan kepada orang yang tertentu.

Zakat dikenakan pada perkara berikut:

1. ternakan: seperti unta, lembu, kambing dan seumpamanya. Disyaratkan pada zakat ini ialah islam, merdeka, nisab, haul dan saum.

2. barang kemas: iaitu emas dan perak. Disyaratkan untuk dikenakan zakat ini islam, merdeka, nisab dan haul.

3. bijian asasi: iaitu beras, gandum, pulut, kacang dal, dan lain-lain. Syarat pada zakat ini ialah ditanam oleh manusia, makanan asasi yang boleh tahan tanpa disimpan dalam peti sejuk dan cukup nisab.

4. buah-buahan: iaitu anggur dan kurma. Syaratnya sama seperti syarat bijian asasi.

5. perniagaan: iaitu harta dalam perniagaan. Disyaratkan pada zakat ini islam, merdeka, milik yang sempurna, nisab, barang-barang dibeli untuk dijual dan haul.

6. galian dan harta tertanam: iaitu harta emas dan perak yang digali atau dijumpai di tanah orang jahiliah.

7. fitrah: iaitu zakat badan yang dikeluarkan pada setiap kali masuk malam raya. Syaratnya ialah islam, merdeka, ada belanja lebih dari belanja hari raya dan sempat hidup satu bahagian dari akhir Ramadhan dan satu bahagian dari bulan syawal.

Orang yang berhak menerima zakat ada 8:

1. fakir: orang yang tidak mempunyai duit.

-
2. miskin: orang yang mempunyai duit tetapi tidak mencukupi.
 3. amil: iaitu yang mengutip duit zakat dan tidak mendapat upah dalam kerjanya itu.
 4. muallaf: iaitu orang kafir yang baru memeluk agama islam.
 5. hamba sahaya yang hendak menebus diri daripada tuannya.
 6. orang yang berhutang.
 7. Fi sabilillah iaitu berperang kerana menegakkan islam.
 8. ibnu sabil: iaitu orang musafir yang hendak pulang ke tempatnya atau hendak pergi ke tempat yang hendak ditujunya.

Orang yang tidak boleh menerima zakat:

1. orang yang kaya dengan harta atau usahanya.
2. bani hasyim dan bani muttalib.
3. orang kafir.
4. hamba yang bukan mukatab.
5. orang yang ditanggung oleh tuannya.

Tatimmah: tidak boleh diberikan zakat kepada seseorang dengan dua sifat.

(Puasa)

وَ صَوْمُ رَمَضَانَ وَاجِبٌ وَ فَرُوضُهُ : رُؤْيُهُ الْهَلَالَ أَوْ اسْتِكْمَالَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ يَوْمًا.

BAB 17: PUASA DI BULAN RAMADHAN

Puasa ramadhan itu wajib dan fardunya ialah: melihat anak bulan atau sempurna bulan sya'ban 30 hari.

وَ أَرْكَانُهُ: النَّيَّةُ لِكُلِّ لَيْلَةٍ، وَ الْإِمْسَاكُ عَنِ الْمُفْطَرَّاتِ مِنْ طَعَامٍ، وَ جِمَاعٍ، وَ أَنْزَالٍ عَنِ مُبَاشَرَةٍ، وَ اسْتِمْنَاءٍ، وَ مِنْ كُلِّ عَيْنٍ دَخَلَتْ فِي جَوْفٍ مِنْ مَنْفَذٍ مَفْتُوحٍ، عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ، ذَاكِرًا لِلصَّوْمِ مُخْتَارًا.

Rukunnya: niat setiap malam, menahan diri dari makan, minum, jima', keluar mani, beronani dan apa sahaja yang dimasukkan ke dalam rongga yang mengetahui akan haramnya.²⁰⁰

²⁰⁰ Puasa dari segi bahasa bermaksud: menahan.

Dari segi syara' bermaksud: menahan diri dari perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari dengan niat.

Syarat wajib puasa ialah: islam, mukallaf, mampu (bukan orang sakit dan bukan haid dan nifas), sihat, mukim.

Rukun puasa ada 2:

1. niat: pada setiap malam dan disyaratkan qasad dan ta'yin iaitu "sahaja aku berpuasa (qasad) Ramadhan (ta'yin). Tidak disyaratkan taarrudh (fardu).
2. menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Perkara-perkara yang membatalkan puasa ada 10:

- Masuk sesuatu ke dalam rongga yang terbuka dengan sengaja dan tahu hukum: hukumnya hanya perlu qadha.
- suntik ke dalam kemaluan depan atau belakang: hukumnya hanya perlu qadha.
- muntah dengan sengaja: hukumnya hanya perlu qadha.
- jima dengan sengaja: hukumnya ialah perlu mengqhadakan dan dikenakan kaffarah iaitu membebaskan hamba, jika tidak mampu maka berpuasa dua bulan berturut-turut dan jika tidak mampu maka hendaklah memberi makan kepada 60 orang miskin dan setiap orang miskin diberikan satu mud. Satu mud bersamaan 510 gram.

-
- mengeluarkan mani secara langsung: hukumnya hanya perlu qadha.
 - haid: hukumnya hanya perlu qadha.
 - nifas: hukumnya hanya perlu qadha.
 - gila: hukumnya hanya perlu qadha.
 - beranak: hukumnya hanya perlu qadha.
 - dan murtad: hukumnya hanya perlu qadha.

Penutup: ini hanyalah ringkasan bagi bab puasa, tidak memadai dengan ini pelajar mesti mempelajari bab puasa dari kitab-kitab lain.

Perkara-perkara yang disunatkan dalam berpuasa: bersegera berbuka, memperlambatkan sahur, meninggalkan kata-kata yang buruk.

Diharamkan berpuasa pada 5 hari: hari raya pertama aidil fitri, hari raya pertama, kedua, ketiga dan keempat aidil adha.

(Haji)

الْحَجُّ عَلَى مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَأَحْكَامُهُ مَعْرُوفَةٌ فِي كُتُبِ الْفِقْهِ.

BAB 18: haji-haji itu wajib bagi sesiapa yang mampu melakukannya dan hukumnya diketahui. Wa allahu a'lam...²⁰¹

²⁰¹ Di bab ini saya mengundurkan diri kerana memikirkan bahawa ianya tidak sesuai dibahasakan di sini dan kurang bermanfaat. Bab haji umrah pada umum masyarakat kita lebih sesuai dibahasakan ketika hendak pergi melakukan haji atau umrah. Apa pun begitu kerana kitab ini yang kecil ukurannya maka lebih sesuai tidak dibahasakan kerana saya hanya ingin menumpukan kepada pelajar-pelajar yang baru.

Alhamdulillah saya telah selesai mensyarahkan kitab ini pada hari jumaat 27 ramadhan 1440 hijrah bersamaan 31 mei 2019 di Maahad Darul Faqeh Morib Banting. Ta'liq ini saya menulis khas dalam membantu para pelajar di Maahad ini (Bahagian pelajar tahfiz) agar mereka menjadi mudah faham dan menguasai. Saya berdoa agar kitab ini menjadi manfaat kepada umum manusia dan saya mendoakan agar Allah mengampuni dosa saya, keluarga saya, guru-guru saya, sahabat-sahabat saya

Alhamdulillah telah selesai dari terjemahan kitab ini pada 29/1/2017 pada hari ahad..semoga menjadi manfaat buat saya dan pembaca sekalian dan bertebaran risalah ini dikalangan awam kita.

وصلى الله على سيدنا محمد و على آله و صحبه أجمعين

dan seluruh muslimin dan muslimat yang hidup dan yang meninggal.

Sumber Rujukan:

- Tahqiq Sittin Masalah Syiekh Alawi Abu Bakar Muhammad As-Saqqaf.
- Kasyifatus Saja Syarah Safinatun Naja Syiekh Nawawi Al-Bantani.
- At-Taqriratus Sadidah Karya Habib Hasan Al-Kaf.
- Ghayatul Muna Syarah Safinatun Naja Karya Syiekh Muhammad Bin Ali Ba A'tiyyah Ad-Daua'ni
- Idaman Penuntut Karya Ust Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya
- Imta' An-Najib Syarah Matan Ghayah Wa Taqrib Karya Syiekh Hisyam Al-Kamil Hamid Musa Al-Azhari.

- Al-Manhalul Warif Syarah Mukhtasor Lathif Karya Habi Alawi Bin Abdullah Al-Idrus
- Al-Yaqutun Nafis Karya Habib Ahmad Bin Umar Asy-Syatiri.

ISI KANDUNGAN

No	Perkara	M/S
1	Muqaddimah Pensyarah	2
2	Biodata Pengarang Sittin	3
3	Biodata Imam Syafie	4
4	Sekilas Tentang Kitab	5
5	Ijazah Bagi Kitab	6
6	Muqaddimah Kitab	7
7	Kelebihan Menuntut Ilmu	8
8	Kaedah Iman	11
9	Rukun Islam	13
10	Istinja'	15
11	Rukun-Rukun Wudhu'	19
12	Pembatal Wudhu'	24
13	Rukun Mandi Wajib	26
14	Larangan Kepada Yang Berhadas Kecil	28
15	Larangan Kepada Yang Berjunub	30
16	Larangan Kepada Orang Yang Haidh Dan Nifas	32
17	Tayammum	33
18	Solat	38
19	Syarat Sah Solat	40
20	Rukun-Rukun Solat	43
21	Lafaz Tasyahhud	47
22	Sunat-Sunat Ab'adh Dalam Solat	50
23	Doa Qunut	52
24	Sunat-Sunat Hai-At	54
25	Pembatal Solat	56
26	Perbezaan Solat Lelaki Dan Perempuan	62

27	Solat Jenazah	65
28	Zakat	68
29	Puasa	72
30	Haji	75
31	Sumber Rujukan	77
32	Isi Kandungan	78

Kitab ini umum untuk semua manusia dari pelajar atau orang biasa. Semoga bermanfaat untuk semua, amin. Hasrat dalam diri saya untuk mencetak kitab ini lalu diedarkan dengan percuma supaya dapat disebarkan dengan lebih terbaik lagi, jadi bagi sesiapa yang mahu berinfaq untuk proses percetakan ini, amat dialu-alukan. In sya Allah kitab ini akan disebarkan sedikit demi sedikit dengan cara dilakukan daurah pengajian sama ada online atau offline. Sekian.

Bagi yang ingin menginfaq, boleh untuk menghubungi saya pensyarah kitab ini iaitu Mohamad Naim Bin Saidi di talian +60163525259.